

25 FEB 2003

NAM-Rangkuman (Hari Akhir)/I

LAUNGAN ANTI PERANG TERUS BERGEMA DI SIDANG KEMUNCIAK NAM

Oleh: Tham Choy Lin dan Yeap Boo Yam

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Kebimbangan terhadap perang di Iraq terus menguasai hari terakhir Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini hari ini dengan Amerika Syarikat berhadapan dengan kemarahan negara-negara anggota NAM.

Kebanyakan pemimpin mengatakan mereka percaya bahawa penyelesaian secara diplomatik dan aman masih boleh dicapai, sungguhpun Amerika Syarikat telah menunjukkan tanda-tanda kesediaannya untuk menyerang Baghdad.

Malah sekiranya perang itu perlu, kata pemimpin berkenaan, ia perlu mendapat kebenaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terlebih dahulu.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe mengutuk Amerika Syarikat kerana tidak memusnahkan dahulu senjata pemusnah besar-besarnya, dengan menyatakan bahawa Washington telah enggan menandatangani perjanjian mengenai pelucutan senjata nuklear.

"Amerika Syarikat telah membangkitkan kesedaran terhadap implikasi dalam menjadi kuasa besar tunggal, yang disertai Britain sebagai penjajah yang dilahirkan semula, dan negara-negara Barat lain yang menjadikan diri mereka anjing buruan yang bengis, sedia untuk memburu lebih banyak darah, iaitu darah Dunia Ketiga.

"Kita, sebagai mangsa buruan mereka adalah untuk disembelih," kata beliau.

Naib Presiden Iraq Taha Yassin Ramadan pula menjemput NAM untuk menghantar delegasi peringkat tinggi ke negaranya bagi meninjau kerjasama Baghdad dengan pemeriksa-pemeriksa senjata PBB.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata terpulang kepada para pemimpin troika NAM sama ada mahu menerima jemputan Iraq untuk ke negara itu.

"Jika anda bertanyakan pandangan peribadi saya, saya fikir troika (NAM) perlu pergi ke Iraq," kata beliau lagi.

Satu pernyataan mengenai Iraq diperakukan oleh para pemimpin berkenaan pada akhir sidang kemuncak itu malam ini.

Korea Utara, yang terikat dalam pertikaian dengan Amerika Syarikat berikutan penyambungan semula program nuklearnya, juga mengecam Washington.

Naib Presidennya Kim Yong Nam berkata dunia telah tiba ke peringkat di mana hak-hak kedaulatan dan kewujudan negara-negara sedang membangun sedang diancam dengan serius.

Beliau berkata negaranya terpaksa mengundurkan diri dari Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear untuk mengatasi keadaan yang mendesak di mana "kepentingan utamanya diancam oleh dasar rakus Amerika Syarikat."

Turut mendapat perhatian hari ini ialah pemimpin Palestin Yasser Arafat, yang bercakap kepada anggota-anggota delegasi menerusi perutusan yang disiarkan secara langsung.

Arafat meminta NAM supaya menghantar misi mencari fakta ke Palestin bagi menyaksikan kekejaman terhadap rakyatnya akibat pencerobohan Israel.

"Saya tunjukkan kepada anda nasib rakyat kami yang membayar harga yang tinggi untuk kebebasan serta kemerdekaan dan yang berdepan dengan halangan dalam bentuk penjajahan Israel," katanya.

Negara-negara anggota terus memberikan penekanan terhadap perlunya untuk mengekalkan proses multilateral dan kepercayaan mereka terhadap PBB, dengan menyatakan bahawa itulah satu-satunya cara untuk ke hadapan.

"NAM patut menolak proses unilateral yang tidak terkawal," Perdana Menteri Mauritius Sir Anerood Jugnauth memberitahu perhimpunan itu yang

terdiri daripada raja, presiden dan perdana menteri.

Persidangan berkenaan juga bergema dengan gesaan untuk menyuburkan semula NAM selaras dengan tema sidang kemuncak itu, menerusi pembinaan keupayaan ekonomi yang lebih baik dan rangkaian antara negara Selatan-Selatan dan juga Utara.

Harapan tinggi turut diletakkan kepada Malaysia, yang akan memimpin pergerakan dengan 116 anggota itu selama tiga tahun akan datang.

Lakhdar Brahim, wakil Setiausaha Agung PBB Kofi Annan pada sidang kemuncak berkenaan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berupaya menyediakan panduan yang diperlukan oleh perkumpulan itu, dengan menganggap beliau sebagai pemimpin berkaliber yang amat dihormati di Dunia Ketiga.

Beliau juga yakin bahawa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan terus menyediakan kepimpinan yang padu bagi perkumpulan negara-negara sedang membangun itu selepas Dr Mahathir bersara Oktober ini.

-- BERNAMA
TCL YBY ROS